



**SURAT PEMBERITAHUAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
BILANGAN: 06/2026**

**SKIM TECHNICAL AND VOCATIONAL EDUCATION AND TRAINING
(TVET)
DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI SWASTA DALAM NEGERI
SESI 2026/2027**

1. PENDAHULUAN

Bagi memenuhi permintaan yang sentiasa meningkat khususnya dalam bidang pendidikan teknikal dan vokasional, Kerajaan menyediakan satu skim iaitu Skim Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) / *Technical Vocational Education and Training* (TVET) yang akan ditawarkan kepada pelajar lepasan di peringkat 'O' untuk mengikuti pengajian di Institusi-Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS). Skim TVET ini adalah inisiatif bersama antara Kementerian Pendidikan, Pejabat Perancangan Tenaga Manusia, Jabatan Perdana Menteri dan Pusat Pekerjaan Brunei, Jabatan Perdana Menteri untuk memberi peluang kepada pelajar untuk meneruskan pengajian mereka ke peringkat yang lebih tinggi dan seterusnya bagi menyahut Wawasan Brunei 2035.

2. OBJEKTIF

2.1 Objektif skim ini adalah seperti berikut:

- i) Mengurangkan pengangguran belia dengan menawarkan program yang membawa kepada pekerjaan;
- ii) Meningkatkan kelulusan dan kemahiran anak-anak tempatan; dan
- iii) Memberikan latihan dan pendedahan industri sebelum menceburi alam pekerjaan.

3. JENIS PERMOHONAN

3.1 Permohonan adalah terbuka kepada orang ramai yang ingin mengikuti pengajian Level 1, 2, 3, dan 4 mengikut *Brunei Darussalam Qualifications Framework*.

4. SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

Skim TVET adalah terbuka kepada orang ramai yang memenuhi syarat-syarat berikut:

- Pengajian yang dipohonkan adalah **sepenuh masa (full-time)**.
- Pemohon hendaklah **belum** mempunyai sebarang pekerjaan sama ada di agensi-agensi Kerajaan mahupun sektor swasta.
- Pemohon hanya dibolehkan mengikuti pengajian di **IPTS dalam negeri yang dibenarkan dalam skim ini sahaja**.
- Pemohon hendaklah **memenuhi syarat-syarat kemasukan** bagi mengikuti kursus di IPTS yang dibenarkan di bawah Skim TVET ini.
- Pemohon hanya dibolehkan mengikuti program-program yang disenaraikan berdasarkan **keperluan negara** dan yang diiktiraf oleh pihak Majlis Kebangsaan Pengiktirafan Kelulusan (MKPK).
- Pelajar yang sedang menuntut di institusi Kerajaan atau pelajar yang sudah mempunyai tahap kelulusan yang sama dengan kursus yang dipohon, **tidak dibenarkan** untuk memohon skim ini.
- Skim ini hanya dibukakan bagi kemasukan sesi **September / Oktober 2026**.

Syarat-Syarat Utama

- ✓ **Rakyat** Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atau **Penduduk Tetap** Negara Brunei Darussalam.
- ✓ Hendaklah memenuhi syarat-syarat kemasukan IPTS yang dipohonkan.

Kelayakan Akademik

- ✓ Telah tamat pengajian **di peringkat 'O'** dan mempunyai **kelulusan 3 'O' (kredit dalam 3 mata pelajaran) dan ke bawah dalam peperiksaan GCE 'O' Level atau kelulusan yangsebanding dengannya**.
- ✓ Hendaklah mengikuti program-program yang ditawarkan sahaja iaitu seperti dalam **Lampiran 1**.

5. JENIS-JENIS KEMUDAHAN

Bagi **Rakyat** Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan **Penduduk Tetap** Negara Brunei Darussalam:

- 5.1 Pihak Kerajaan akan membiayai kos pengajian sepenuhnya (termasuk yuran pendaftaran dan peperiksaan);
- 5.2 Pihak Kerajaan akan membiayai kos latihan sepanjang pengajian;
- 5.3 Elaun perjalanan sebanyak BND 45.00 sebulan akan diberikan kepada pelajar; dan
- 5.4 Elaun penempatan latihan sebanyak BND 140.00 sebulan akan diberikan kepada pelajar (tempoh maksima penempatan adalah selama 6 bulan sahaja).


6. SYARAT-SYARAT TAMBAHAN

Pemohon juga perlu memenuhi syarat-syarat tambahan seperti berikut:

- 6.1 Calon yang akan mengikuti Skim TVET ini **dimestikan menandatangani borang perjanjian** dengan pihak Kerajaan.
- 6.2 Calon yang memohon Skim TVET ini **hendaklah lulus** temuduga.

7. PEMOHON YANG TIDAK DIPERTIMBANGKAN UNTUK PERMOHONAN SKIM TVET

Pemohon di bawah kategori berikut **tidak akan dipertimbangkan** bagi permohonan TVET:

- 7.1 Permohonan yang diterima selepas tarikh tutup atau permohonan yang tidak lengkap diisi atau salinan sijil-sijil peperiksaan yang dihadapkan tidak disahkan dan permohonan yang mempunyai maklumat palsu.
- 7.2 Tidak memenuhi kehendak syarat-syarat seperti yang ditetapkan di bilangan 4 dan syarat-syarat kemasukan IPTS.
- 7.3 Memohon untuk mengikuti pengajian di peringkat yang sama yang telah diperolehi sebelumnya.
- 7.4 Pemohon pernah menerima tawaran dan mengikuti Skim TVET.
- 7.5 Pemohon yang tidak mengambil surat tawaran dan mengembalikan Borang Perjanjian di dalam tempoh yang ditetapkan. 

8. TATACARA MENGHADAPKAN PERMOHONAN SKIM TVET

- 8.1 Pemohon bolehlah memohon kursus yang ditawarkan di institusi yang tersenarai sahaja;
- 8.2 Pemohon hendaklah mengisi **Borang TVET yang boleh dimuat turun** dari laman sesawang Kementerian Pendidikan, www.moe.gov.bn atau boleh didapati dari Institusi-Institusi Swasta yang menawarkan program yang dipohonkan. **Borang TVET** yang sudah lengkap diisi dan disertakan dengan dokumen-dokumen yang diperlukan hendaklah dihantar ke institusi-institusi berkenaan dan permohonan dalam bentuk **softcopy** dihantar melalui emel ke **emel institusi yang dipohon** dalam format **Excel**.
- 8.3 Semua permohonan yang memenuhi syarat permohonan dan lulus temuduga akan dihadapkan ke Jawatankuasa Kerja Skim TVET untuk pertimbangan dan sokongan bagi mendapatkan tawaran Skim TVET.

8.4 Tarikh tutup permohonan: 16 April 2026

Hari Khamis, jam 4.00 petang

“Berpendidikan, Berkemahiran Tinggi, Berkualiti Ke Arah Ekonomi yang Dinamik dan Berdaya”



[DR. HAJI AZMAN BIN AHMAD]
Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi)
Kementerian Pendidikan
Negara Brunei Darussalam

Rujukan : KPE/JPB/S/1[TVET]/J4
Bertarikh : 20 Ramadhan 1447 / 10 Mac 2026

SENARAI PROGRAM YANG DITAWARKAN BAGI SKIM TVET 2026/2027

BIL	NAMA INSTITUSI	NAMA PROGRAM	TEMPOH KURSUS
1	Laksamana College Brunei (LCB)	C&G Level 3 Advanced Diploma in Culinary Arts and Supervision	18 bulan
2		C&G Level 2 Diploma in Food Preparation and Culinary Arts	12 bulan
3		C&G Level 2 Diploma in Food Preparation and Culinary Arts – Patisserie	12 bulan
4	Cosmopolitan College of Commerce and Technology (CCCT)	NTec in Hotel and Business Tourism	24 bulan
5		HNTec in Tourism Operation	24 bulan
6		C&G Level 3 in Logistics Operation	12 bulan

8